

CNS4236

U GB 17-02 00169 BB147

BAH

Mahathir - Sabah

MAHATHIR GESA RAKYAT SABAH TOLAK POLITIK PECAH-BELAH PBS

KUALA LUMPUR, 17 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menggesa rakyat Sabah supaya menolak Parti Bersatu Sabah pada pilihan raya Dewan Undangan Negeri itu esok dan Sabtu ini kerana politik pecah-belah dan benci-membenci yang diamalkannya boleh mengancam kestabilan dan keamanan negara.

Perdana Menteri berkata, rakyat Sabah hendaklah menggunakan peluang pilihan raya itu untuk menukar kerajaan Parti Bersatu Sabah (PBS) kepada kerajaan Barisan Nasional yang boleh membawa kemakmuran kepada negeri itu dan para penduduknya.

"Orang Sabah janganlah terpedaya lagi dengan PBS. Sembilan tahun (PBS memerintah Sabah) sudah cukup. Semua orang tahu bahawa rakyat Sabah tidak mendapat satu faedahpun di bawah kerajaan PBS.

Jika PBS berhasrat membantu rakyat Sabah selama sembilan tahun ia memerintah, rakyat di Sabah sudah tentu kaya raya. Bagaimanapun yang mendapat keuntungan ialah orang tertentu dalam PBS," kata Dr Mahathir merangkap Pengerusi BN dalam satu kenyataan yang dikeluarkan di sini. -- Lagi.

▼17/02/16-20MST

CNS4252

U GB 17-02 00174 BB149

BAH

Mahathir - Sabah 2 Kuala Lumpur

Beliau juga mengingatkan bahawa isu-isu yang digunakan PBS dalam kempenya menghadapi pilihan raya itu seperti membangkitkan sentimen kaum, agama dan kedaerahan serta kebencian terhadap Kerajaan Persekutuan dan Semenanjung boleh menjejaskan perpaduan kaum dan agama yang telah dibina selama ini.

"Apakah PBS hendak menjadikan negara ini seperti Bosnia-Herzegovina atau Ireland Utara atau Kashmir?" tanya Dr Mahathir.

Menurut Perdana Menteri, antara isu yang boleh membakar hati orang Sabah ialah tuduhan kononnya jika Ketua Menteri terdiri daripada orang Islam maka gereja-gereja yang ada di negeri itu sekarang akan dirobohkan.

Mereka juga mendakwa kononnya Kerajaan Persekutuan mahu menjajah Sabah dan UMNO memasuki negeri itu juga dengan tujuan yang sama iaitu mahu menjajah, katanya.

"Mereka juga mendakwa jika BN memerintah Sabah, semua bahasa suku kaum di negeri itu akan dihapus dan diganti dengan Bahasa Melayu manakala adat, agama dan budaya orang Sabah, khususnya suku kaum Dusun juga akan dihapuskan dan mereka akan diIslamkan manakala orang Kristian akan ditindas," kata Perdana Menteri. -- Lagi.

▼17/02/16-44MST

CNS4255

U GR 17-02 00152 BB150

BAH

Mahathir - Sabah 3 Kuala Lumpur

Semua tuduhan itu tidak benar sama sekali dan sengaja diada-adakan kerana PBS ingin membangkitkan kemarahan orang Sabah terhadap Semenanjung agar kegagalan kerajaan PBS tidak dijadikan isu, katanya.

"Tema PBS ialah bencilah Semenanjung dan sokong PBS. Apa akan jadi pada Sabah jika PBS menerajui Kerajaan Negeri tidak diambil berat," ujar beliau.

Dr Mahathir menjelaskan bahawa anggota BN di Sabah terdiri daripada orang Sabah juga.

"Jika BN menang dalam pilihan raya itu, orang Sabah juga yang akan memerintah. Tetapi mereka akan mendapat sokongan penuh Kerajaan Persekutuan," jelas beliau.

Dr Mahathir hairan dengan sikap PBS yang pada satu segi mahu sokongan Kerajaan Persekutuan tetapi pada masa yang sama ketika berkempen, ia mengecam Kerajaan Persekutuan.

"Jika benar apa yang dikatakan (tuduhan) oleh PBS terhadap Kerajaan Persekutuan, kenapakah ia ingin bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan?" tanya Perdana Menteri. -- Lagi.

▼17/02/16-53MST

CNS4302

U GR 17-02 00149 BB151

BAH

Mahathir - Sabah 4 (Akhir) Kuala Lumpur

Dr Mahathir juga membidas sikap PBS, yang sementara menimbulkan kebencian terhadap Semenanjung, menjual segala harta Kerajaan Sabah dan kekayaan hasil negerinya kepada orang Semenanjung.

Sebenarnya, tegas beliau, PBS tidak suka kehadiran anggota Kerajaan Persekutuan di Sabah kerana ia takut segala penyelewengannya akan diketahui dan didedahkan.

Dr Mahathir lalu mengajak rakyat Sabah mempersoalkan kenapa Sabah yang diperintah PBS tidak maju berbanding dengan Sarawak yang mempunyai ramai penduduk bukan Melayu, sedangkan apa yang ada di Sarawak, termasuk royalti minyak, juga ada di Sabah.

"Apakah yang dibuat oleh PBS dengan royalti minyak? Kenapa Sarawak boleh menggunakan royalti minyak dengan baik tetapi Sabah tidak?" katanya.

Beliau juga menyangkal dakwaan PBS kononnya Kerajaan Persekutuan memperolehi 95 peratus royalti kerana jumlah yang diperolehinya sama seperti yang diperolehi negeri-negeri iaitu sebanyak 5 peratus. -- Bernama.

AM KAM.